



Set komputer mengandungi perisian cetak rompak yang dirampas dalam serbuan di sebuah premis di Petaling Jaya kelmarin.

## Syarikat kejuruteraan diserbu guna perisian cetak rompak

PETALING JAYA - Sebuah syarikat kejuruteraan di daerah ini digempur selepas disyaki beroperasi dengan menggunakan perisian cetak rompak kelmarin.

Serbuan dijalankan sepasukan pegawai dan anggota Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Petaling Jaya hasil maklumat serta aduan.

Pengarah KPDNHEP Selangor, Muhammad Zikril Azan Abdullah berkata, pemeriksaan dibuat ke atas 15 buah komputer syarikat terbabit.

"Hasil pemeriksaan mendapati dua daripada

komputer itu dipercayai menggunakan perisian AutoCad yang disyaki tiruan.

"Tindakan sitaan dibuat membabitkan rampasan bernilai RM4,000," katanya kepada *Sinar Harian* semalam.

Beliau berkata, dua lelaki berusia 28 dan 55 tahun merupakan pekerja syarikat terbabit telah direkod keterangannya.

Tegasnya, pemeriksaan ke atas syarikat-syarikat yang menggunakan perisian salinan langgaran akan terus dipertingkatkan bagi membendung kegiatan penggunaan perisian tanpa lesen di Petaling Jaya.